



Untuk Hebahan Segera

28 Mei 2019

---

### 50 Insan OKU Ceria Terima Sumbangan 'Box of Kindness'

---

**Puchong, 26 Mei** – Seramai 50 orang penerima manfaat dari kalangan orang kurang upaya (OKU) pendengaran diraikan dalam suasana penuh muhibbah menerusi program *Leave No One Behind* yang dianjurkan oleh Islamic Relief Malaysia (IRM) dengan kerjasama Malaysia Federation of The Deaf (MFD), sukarelawan dan kakitangan Bahasa isyarat IRM serta Sahabat FAQEH USIM.

Antara aktiviti yang telah dijalankan selama program dua hari tersebut adalah membeli belah pakaian raya untuk anak-anak OKU, solat Dhuha, rakaman takbir dan lagu raya, serta aktiviti psikososial bersama Omar & Hana dan Sahabat FAQEH.

Bertempat di MFD, kesemua penerima manfaat turut menerima sumbangan pek makanan Box of Kindness yang disampaikan oleh Penerbit Omar & Hana, Fadilah A. Rahman.

Menurut Fadilah, projek Box of Kindness merupakan kolaborasi pertama antara syarikat produksi itu bersama IRM dalam usaha untuk menggerakkan kempen kemanusiaan dalam kalangan kanak-kanak.

“Ini merupakan sumbangan pertama Omar & Hana kepada IRM dan syukur, projek ini berjalan lancar serta mencapai sasaran 50 pek makanan untuk agihan di Malaysia.

“Harapan Omar & Hana agar kerjasama ini tidak terhenti di sini dan akan berterusan untuk misi-misi akan datang dan semoga Omar & Hana dapat menyebarkan kebaikan bukan sahaja kepada kanak-kanak tetapi juga untuk seluruh rakyat Malaysia,” tambah Fadilah.

Sementara itu, IRM yang diwakili oleh Pengarah Bahagian Komunikasi dan Kempen, Siti Fadilah Mohd Hood dalam ucapannya berkata, “Bantuan ini diharapkan dapat menceriakan setiap keluarga yang terpilih sehingga tibanya bulan Syawal nanti. Semoga kerjasama ini berpanjangan.”

Awal ramadan lalu, IRM dan Omar & Hana telah melancarkan kempen Ramadan: A Box of Kindness by Omar & Hana bertujuan untuk mengumpul dana bagi projek agihan pek makanan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, jumlah kutipan yang diterima amat memberangsangkan.

## **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Islamic Relief (IR) adalah sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang bebas. IR beribu pejabat di United Kingdom dan ditubuhkan pada tahun 1984. IR telah berkhidmat di lebih dari 45 buah negara, membantu lebih daripada 120 juta orang. IR juga mempunyai rangkaian tetap di lebih 30 buah negara merangkumi 100 buah cawangan di seluruh dunia. Skop bantuan IR merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia (IRM) pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan IR di rantau Asia-Pasifik. Kini, IRM berperanan sebagai pejabat penajaan dana dan pelaksana projek (antarabangsa & tempatan)

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan IRM, sila layari laman web rasmi IRM iaitu atau hubungi IRM di talian tetap 03-8926 3434.

Bagi mereka yang ingin membuat sumbangan, salurkan sumbangan anda ke nombor-nombor akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia :

**MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704**

**CIMB ISLAMIC | 860 2073818**

**BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3**

**AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4**

**BANK RAKYAT | 11080 10000 35**

**BANK MBSB | 1005 0251 0000 0166**

atau melalui :

**CHARITY SHOPPE | TUNAI / KAD KREDIT**

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif  
Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

---

**Dikeluarkan oleh,  
Islamic Relief Malaysia (IRM)-Reg No: 657354-W  
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,  
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Media**  
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau  
emel: [Malaysia.Media@islamic-relief.org.my](mailto:Malaysia.Media@islamic-relief.org.my)

Aduan atau maklum balas: [feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my](mailto:feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my)/Whatsapp:  
[+60196379788](tel:+60196379788)